

SOALAN NO: 249

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : **BUKAN LISAN**
DARIPADA : **PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR
[LEMBAH PANTAI]**
RUJUKAN : **BL8 [PR-1352-T00823]**
SOALAN :

**Puan Nurul Izzah Binti Anwar [Lembah Pantai] minta MENTERI
WILAYAH PERSEKUTUAN menyatakan:-**

- (a) laporan Traffic Impact Assessment (TIA) dari Jalan Kerinchi dari Bangsar South; dan
- (b) apakah punca utama kesesakan lalu lintas pada waktu puncak serta tindakan terkini pihak DBKL dalam mengawal dan mengkaji kesesakan yang berlaku di Jalan Kerinchi dan Bangsar South.

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Lembah Pantai, berdasarkan Kajian *Traffic Impact Assessment* (TIA) dari Jalan Kerinchi kawasan Bangsar South, jalan yang mempunyai 3 lorong sehala seperti mana sekarang masih mampu menampung jumlah lalu lintas yang dijana oleh pembangunan sekitar.

- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Lembah Pantai jua, rangkaian jalanraya yang mengelilingi kawasan ini seperti Lebuhraya Persekutuan, Lebuhraya Pantai Baru, Jalan Bangsar, Jalan Pantai Baru dan Jalan Pantai Dalam telah berkeadaan tepu terutamanya pada waktu puncak, menyebabkan kenderaan dari kawasan Bangsar South tidak dapat berjalan dengan lancar. Malahan pula terdapat halangan kenderaan yang diparkir di tepi jalan menambahkan lagi halangan kepada lalu lintas. Masalah kesesakan pada waktu puncak pagi dan petang disebabkan isipadu kenderaan yang tinggi berlaku hampir di seluruh jalan utama masuk dan keluar ke pusat bandar.

Pada masa ini, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur melaksanakan kaedah-kaedah pengurusan lalu lintas dan meningkatkan pemasangan papan-papan tanda lalu lintas supaya pengguna lebih mematuhi peraturan-peraturan jalanraya.

Di samping itu juga, penggalakkan penggunaan pengangkutan awam akan dipaparkan melalui *Variable Message Sign* dengan lebih kerap. Bagi kawasan Kerinchi, terdapat 2 laluan sistem rel iaitu Komuter dan LRT laluan Kelana Jaya di samping perkhidmatan bas henti-henti yang disediakan bagi menyokong mod pengangkutan awam sedia ada.

RT15/250

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS : PUAN NURUL IZZAH BINTI
DARIPADA ANWAR [LEMBAH PANTAI]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Puan Nurul Izzah Binti Anwar [Lembah Pantai] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan:-

- (a) statistik calon SPM yang mendapat gred E, F dan G dalam Bahasa Malaysia dan Inggeris dari tahun 2013 hingga 2016 mengikut pecahan, negeri dan jenis sekolah; dan
- b) apakah perancangan Kementerian membantu calon yang gagal menerima sijil SPM

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Pada tahun 2104 bilangan calon yang lulus Bahasa Melayu SPM iaitu gred D dan E ialah 48,702 (12.3%) bagi calon sekolah kerajaan, 24,850 (6.3%) bagi calon sekolah agama dan 18,715 (5.0%) bagi calon sekolah swasta. Bagi calon yang mendapat gred G atau gagal ialah 35,037 (8.8%) bagi calon sekolah kerajaan, 238 (0.06%) calon sekolah agama dan 2,132 (0.5%) bagi calon sekolah swasta.

Bagi tahun 2015 pula, bilangan calon yang lulus Bahasa Melayu SPM ialah 40,897 (10.9%) bagi calon sekolah kerajaan, 35,333 (9.4%) bagi calon sekolah agama dan 18,375 (4.9%) bagi calon sekolah swasta. Bagi calon yang mendapat gred G atau gagal ialah 33,575 atau 9.0% bagi calon sekolah kerajaan, 254 atau 0.06% calon sekolah agama dan 2,569 atau 0.6% bagi calon sekolah swasta.

Manakala bagi tahun 2016, bilangan calon yang lulus Bahasa Melayu SPM ialah 33,843 atau 9.1% bagi calon sekolah kerajaan, 29,168 atau 7.8% bagi calon sekolah agama dan 14,684 atau 3.9% bagi calon sekolah swasta. Bagi calon yang mendapat gred G atau gagal ialah 30,035 atau 8.1% bagi calon sekolah kerajaan, 225 atau 0.06% calon sekolah agama dan 1,141 atau 0.3% bagi calon sekolah swasta.

Untuk mata pelajaran Bahasa Inggeris bagi tahun 2014, bilangan calon yang lulus iaitu gred D dan E pula ialah 131,402 atau 33.3% bagi calon sekolah kerajaan, 3,765 atau 0.9% bagi calon sekolah agama dan 5,200 atau 1.3% bagi calon sekolah swasta. Bagi calon yang mendapat gred G atau gagal pula ialah 89,415 atau 22.6% bagi calon sekolah kerajaan, 1904 calon atau 0.4% calon sekolah agama dan 3,136 atau 0.7% bagi calon sekolah swasta.

Bagi tahun 2015, bilangan calon lulus Bahasa Inggeris SPM gred D dan E ialah 117,455 atau 31.4% bagi calon sekolah kerajaan, 3,455 atau 0.9% bagi calon sekolah agama dan 5,114 atau 1.3% bagi calon sekolah swasta. Bagi calon yang mendapat gred G atau gagal pula ialah 88,048 atau 23.6% bagi calon sekolah kerajaan, 2,133 atau

0.5% calon sekolah agama dan 3,431 atau 0.9% bagi calon sekolah swasta.

Manakala bagi tahun 2016, bilangan calon yang lulus Bahasa Inggeris SPM iaitu gred D dan E ialah 129,515 atau 35.0% bagi calon sekolah kerajaan, 3,897 atau 1.0% bagi calon sekolah agama dan 3,051 atau 0.8% bagi calon sekolah swasta. Bagi calon yang mendapat gred G atau gagal ialah 76,062 atau 20.5% bagi calon sekolah kerajaan, 1,765 atau 0.4% calon sekolah agama dan 520 atau 0.1% bagi calon sekolah swasta.

- b) Bagi calon yang gagal SPM, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menyediakan peluang untuk mereka belajar semula (mengulang) di tingkatan lima berdasarkan syarat-syarat yang telah ditetapkan berdasarkan Surat Siaran KPM Bil.3/2017: Syarat-syarat Belajar Semula (Mengulang) Di Tingkatan Lima Bagi Sesi Persekolahan Tahun 2017 bertarikh 10 Februari 2017. Antara syarat-syarat tersebut termasuk murid itu hendaklah mengambil enam(6) mata pelajaran teras iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, Sains, Sejarah dan Pendidikan Islam/Pendidikan Moral.

RT15/250

**pPEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB BUKAN LISAN

DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]

SOALAN : 251

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan sama ada kerajaan telah meluluskan permohonan Kerajaan Negeri Perak untuk membina lapangan terbang antarabangsa Utara Malaysia Airport Terminal (UMAT) di Bagan Serai.

JAWAPAN

Ahli Yang Berhormat,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini Kerajaan tidak mempunyai sebarang rancangan untuk membina lapangan terbang antarabangsa Utara Malaysia Airport Terminal (UMAT) di Bagan Serai.

RT16/252

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN BERTULIS : **DATO' NGEH KOO HAM**
DARIPADA **[BERUAS]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kenapa Kerajaan tidak memberi peruntukan kepada SRJK (C) Sg Batu dan SRJK (C) Ayer Tawar di Daerah Manjung, Perak yang merupakan sekolah-sekolah bantuan penuh untuk projek kelas pintar mereka dan mereka terpaksa juga mendapat derma daripada orang ramai untuk projek-projek mereka yang lain.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Hasil semakan Kementerian Pendidikan Malaysia kedua-dua sekolah tersebut merupakan sekolah kerajaan yang menerima peruntukan mengurus secara tahunan.

RT16/252

SOALAN NO : 253

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB DATO' NGEH KOO HAM
[BERUAS]
TARIKH :
SOALAN : 253

YB Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan jumlah pesakit yang memerlukan rawatan hemodialisis di Daerah Manjung dan rancangan Kerajaan untuk meningkatkan jumlah mesin hemodialisis di daerah ini untuk memastikan semua pesakit-pesakit berkenaan mendapat rawatan yang diperlukan oleh mereka.

Tuan Yang di-Pertua,

Pada tahun 2015 terdapat sejumlah 3,139 pesakit yang menjalani rawatan dialisis di Negeri Perak, iaitu 827 di pusat awam, 1,669 di pusat swasta dan 643 di pusat NGO. Registri Renal Kebangsaan hanya mengumpul data keseluruhan negeri Perak dan bukan mengikut pecahan daerah.

Memandangkan pesakit yang memerlukan rawatan dialisis di seluruh negara semakin meningkat, Kementerian Kesihatan sedang cuba memperluaskan kaedah rawatan *Continuous Ambulatory Peritoneal Dialysis* (CAPD) dikalangan pesakit kegagalan ginjal peringkat akhir. Kaedah rawatan ini adalah berbeza daripada rawatan hemodialisis kerana rawatan CAPD dilakukan dirumah oleh pesakit sendiri. Kaedah ini akan dapat mengurangkan keperluan kemudahan hemodialisis untuk pesakit baru kegagalan ginjal peringkat akhir yang memerlukan rawatan dialisis.

NO. SOALAN: 223

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN SIVARASA A/L K. RASIAH [SUBANG]

RUJUKAN : 10146

SOALAN :

Tuan Sivarasa A/L K. Rasiah [Subang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan untuk setiap tahun dari 2012 - 2017 bilangan tangkapan di bawah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) (SOSMA) 2012, pembebasan selepas tangkapan tanpa pendakwaan, pendakwaan, sabitan selepas bicara, pembebasan selepas bicara dan profil kesalahan yang didakwa dan jumlah orang asing dan negara asal mereka.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Sejak Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (SOSMA) mula diwartakan dan dikuatkuasakan sehingga kini, seramai 1,048 orang telah ditangkap.